



Ruj. Kami : KKR.100-1/8/12 (53)
Tarikh : 26 Mei 2023

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN PERJALANAN UDARA RASMI BAGI PEMBELIAN TIKET KAPAL TERBANG MENGGUNAKAN WARAN PERJALANAN UDARA AWAM (WPUA)

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas dan surat Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) rujuk MOF.PAM.600-29/47/3 Jld. 2 (5) bertarikh 19 April 2023 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, pengurusan tuntutan bayaran balik tiket penerbangan untuk perjalanan udara rasmi bagi tiket yang dibeli sendiri oleh pegawai di Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah diperuntukkan melalui Surat Pekeliling Dalam Kewangan (SPDK) Bil. 2 Tahun 2022 bertarikh 5 Oktober 2022 berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan (PP) Malaysia WP 2.5 – Kemudahan Perjalanan Udara Rasmi.

3. Bagi menambahbaik peraturan sedia ada dan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, Kementerian Kewangan (MOF) telah menetapkan bahawa **pegecualian khas AP100(b) diberikan bagi pembelian tiket kapal terbang untuk tujuan menjalankan tugas rasmi**. Oleh itu, **pembayaran tuntutan perjalanan melebihi sekali bagi tujuan pembelian tiket kapal terbang tidak memerlukan kelulusan khas AP100(b) daripada MOF**. Walau bagaimanapun, penetapan dasar ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Kelulusan khas pegecualian AP100(b) ini adalah bagi tujuan **pembelian tiket kapal terbang sahaja**. Pegecualian AP100(b) berkaitan tuntutan perjalanan masih perlu mendapat kelulusan khas MOF;
- ii. Kementerian/ Jabatan perlu memastikan bahawa **perbandingan harga** dibuat terlebih dahulu sebelum memilih kaedah pembelian tiket kapal terbang yang paling sesuai bagi memastikan **harga tiket yang dibeli sendiri lebih murah berbanding Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA)**;

- iii. Kementerian/ Jabatan digalakkan untuk menggunakan Kad Kredit Korporat selaras dengan kenaikan had nilai kredit kepada RM360,000 bagi pembelian tiket kapal terbang;
- iv. Kementerian/ Jabatan Perlu mengambil kira **konsep value for money** dengan mempertimbangkan faktor-faktor lain seperti perubahan tarikh atau masa penerbangan, pembatalan penerbangan di saat-saat akhir dan lain-lain lagi bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan serta risiko pembelian ke atas penjawat awam. Dalam hubungan ini, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab mewujudkan **kawalan dalaman** dalam pengurusan kemudahan perjalanan udara rasmi dan memudahcara dalam urusan pembelian tiket kapal terbang; dan
- v. Pegawai Pengawal juga perlu memastikan kemudahan perjalanan udara rasmi **diuruskan mengikut tatacara kewangan dan peraturan yang berkuat kuasa.**

4. Sebagai makluman YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, pindaan SPDK Bil. 2 Tahun 2022 perlu dibuat bagi memastikan pelaksanaan penambahbaikan yang ditetapkan oleh pihak MOF ini adalah teratur dan pindaan tersebut adalah seperti berikut:

i. **11. TATACARA TUNTUTAN BAYARAN BALIK TIKET PENERBANGAN UNTUK PERJALANAN UDARA RASMI**

11.5 Borang seperti di **Lampiran B** yang telah diluluskan oleh Pegawai Pelulus perlu disertakan semasa membuat tuntutan elaun perjalanan dalam atau luar negeri **atau selepas selesai bertugas rasmi (pengecualian khas AP100(b)), selaras dengan surat daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, rujuk MOF.PAM.600-29/47/3 Jld. 2 (5) bertarikh 19 April 2023.**

5. Pindaan perenggan 11.5 SPDK Bil. 2 Tahun 2022 di atas berkuat kuasa mulai **19 April 2023**. Sehubungan dengan itu, berikut dilampirkan surat KSP rujuk MOF.PAM.600-29/47/3 Jld. 2 (5) bertarikh 19 April 2023 dan SPDK Bil. 2 Tahun 2022: Garis Panduan Perwakilan Kuasa Pegawai Pengawal dan Pengurusan Tuntutan Bayaran Balik Tiket Penerbangan Untuk Perjalanan Udara Rasmi Bagi Tiket Yang Dibeli Sendiri Oleh Pegawai bertarikh 5 Oktober 2022 untuk rujukan dan tindakan pihak YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan selanjutnya.

KKR.100-1/8/12 (53)


6. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini hendaklah dikemukakan kepada Cawangan Kemudahan, Elaun dan Pelbagai, Bahagian Kewangan. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih jua.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(AINUL RIDZWAN BIN ZAINUDIN)
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
MALAYSIA

s.k.:

1. KSU
2. TKSU (P)
3. TKSU (DP)
4. KPKR

SENARAI EDARAN

1. Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancang Jalan
Kementerian Kerja Raya
2. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan dan Penswastaaan
Kementerian Kerja Raya
3. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Fasiliti
Kementerian Kerja Raya
4. Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
Kementerian Kerja Raya
5. Ketua Akauntan
Bahagian Akaun
Kementerian Kerja Raya
6. Pengarah Kanan
Cawangan Jalan
Tingkat 5, Blok F
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 KUALA LUMPUR
7. Pengarah
Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan
Tingkat 8, Blok F
Jalan Sultan Salahuddin
50582 KUALA LUMPUR
8. Pengarah
Cawangan Kejuruteraan Cerun
Tingkat 12, Blok F
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 KUALA LUMPUR
9. Pengarah
Cawangan Senggara Fasiliti Jalan
Aras 3, Blok D (Lama), Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 KUALA LUMPUR

10. Pengarah Kanan
Cawangan Kerja Bangunan Am 1
Tingkat 13A, Menara PJD
No. 50, Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR
11. Pengarah
Cawangan Kerja Bangunan Am 2
Tingkat 13A, Menara PJD
No. 50, Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR
12. Pengarah
Cawangan Kerja Pendidikan
Tingkat 9, Menara Maju Tower
1001 Jalan Sultan Ismail
50250 KUALA LUMPUR
13. Pengarah
Cawangan Kerja Keselamatan
Tingkat 20, Maju Tower
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 KUALA LUMPUR
14. Pengarah
Cawangan Kerja Kesihatan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 23, Blok G
Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR
15. Pengarah
Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan
Tingkat 1, Blok F
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 KUALA LUMPUR
16. Pengarah Kanan
Cawangan Arkitek
Tingkat 11, Menara Tun Ismail Mohamad Ali
No. 25, Jalan Raja Laut
50350 KUALA LUMPUR
17. Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 10, Blok G
Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR

18. Pengarah Kanan
Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan
Ibu Pejabat JKR
Tingkat 16, Menara Tun Ismail Mohamad Ali
No. 25, Jalan Raja Laut
50350 KUALA LUMPUR
19. Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 26, Blok G
Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR
20. Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Elektrik
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 11, Blok G
Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR
21. Pengarah
Cawangan Kejuruteraan Geoteknik
Tingkat 26, Menara PJD
No. 50 Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR
22. Pengarah
Cawangan Alam Sekitar Dan Kecekapan Tenaga
Tingkat 23, Menara PJD
No. 50, Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR
23. Pengarah Kanan,
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 5, Blok F,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 KUALA LUMPUR
24. Pengarah
Cawangan Dasar Dan Pengurusan Korporat
Jabatan Kerja Raya
Tingkat 2, Blok A (Lama)
Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR
25. Pengarah Kanan
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE)
Jalan Kemus, Simpang Ampat
**78000 ALOR GAJAH
MELAKA**

26. Pengarah
JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya
Aras 3, Blok F7, Kompleks F,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA
27. Pengarah
JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tingkat 17, Sunway Putra Tower,
No.100, Jalan Putra
50350 KUALA LUMPUR
28. Pengarah
JKR Wilayah Persekutuan Labuan
Peti Surat 81002, Jalan Kampung Jawa
87008 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
29. Pengarah
Unit JKR KESEDAR
Jalan Chempaka Merah
17500 Tanah Merah
Kelantan Darul Naim
30. Pengarah
Unit JKR KETENGAH
Aras 1, Blok B
Bangunan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
Al-Muktafi Billah Shah
23409 TERENGGANU DARUL IMAN



KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
SECRETARY GENERAL OF TREASURY
Kementerian Kewangan Malaysia
Ministry of Finance Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8882 3333
Faks : 603-8882 4224
Telex : FEDTRY MA 30242
Web : www.mof.gov.my



19 April 2023

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN PERJALANAN UDARA RASMI BAGI PEMBELIAN
TIKET KAPAL TERBANG MENGGUNAKAN WARAN PERJALANAN UDARA AWAM
(WPUA)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana Kementerian/Jabatan sedia maklum, Kementerian Kewangan (MOF) telah menetapkan tatacara pengurusan tiket penerbangan bagi tugas rasmi melalui Pekeliling Perbendaharaan WP2.5: Kemudahan Perjalanan Udara Awam. MOF sentiasa mencari alternatif bagi menambah baik proses dan tatacara pengurusan tiket penerbangan agar selari dengan tuntutan dan keperluan semasa.

3. WP2.5 telah menetapkan kaedah pembelian tiket penerbangan adalah berdasarkan harga yang menguntungkan Kerajaan. Selaras dengan peraturan ini, kebanyakan Kementerian/Jabatan telah mengeluarkan garis panduan dalaman dan mengarahkan pegawai untuk membeli sendiri tiket kapal terbang bagi menghadiri tugas rasmi. Perkara ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada pegawai iaitu daripada aspek kewangan kerana perlu menunggu sehingga hujung bulan untuk membuat tuntutan dan bayaran balik hanya akan diterima pada bulan berikutnya.

4. Sehubungan itu, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, MOF telah menetapkan bahawa **pegecualian khas AP100(b) diberikan bagi pembelian tiket kapal terbang untuk tujuan menjalankan tugas rasmi. Oleh itu, pembayaran tuntutan perjalanan melebihi sekali bagi tujuan pembelian tiket kapal terbang tidak memerlukan kelulusan khas AP100(b) daripada MOF.** Walau bagaimanapun, penetapan dasar ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Kelulusan khas pegecualian AP100(b) ini adalah bagi tujuan pembelian tiket kapal terbang sahaja. Pegecualian AP100(b) berkaitan tuntutan perjalanan masih perlu mendapatkan kelulusan khas MOF;
- ii. Kementerian/Jabatan perlu memastikan bahawa **perbandingan harga** dibuat terlebih dahulu sebelum memilih kaedah pembelian tiket kapal terbang yang paling sesuai bagi memastikan **harga tiket yang dibeli sendiri lebih murah berbanding WPUA.**

- iii. Kementerian/Jabatan digalakkan untuk menggunakan Kad Kredit Korporat selaras dengan kenaikan had nilai kredit kepada RM360,000 bagi pembelian tiket kapal terbang;
- iv. Kementerian/Jabatan perlu mengambil kira **konsep value for money** dengan mempertimbangkan faktor-faktor lain seperti perubahan tarikh atau masa penerbangan, pembatalan penerbangan di saat-saat akhir dan lain-lain lagi bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan serta risiko pembelian ke atas penjawat awam. Dalam hubungan ini, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab mewujudkan **kawalan dalaman** dalam pengurusan kemudahan perjalanan udara rasmi dan memudahcara dalam urusan pembelian tiket kapal terbang; dan
- v. Pegawai Pengawal juga perlu memastikan kemudahan perjalanan udara rasmi **diuruskan mengikut tatacara kewangan dan peraturan yang berkuat kuasa.**

5. Tarikh kuat kuasa pengecualian khas AP100(b) bagi pembelian tiket kapal terbang untuk tujuan menjalankan tugas rasmi ini adalah dari tarikh surat ini ditandatangani.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN)

e.d. : TKSP(I)

TKSP(M)

SBDSP

s.k.: Akauntan Negara
Jabatan Akauntan Negara
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi
Aras 1-8, Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 PUTRAJAYA

Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
No.15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2
62518 PUTRAJAYA

Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah
Perbendaharaan Malaysia Sabah
Tingkat 2, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh
88592 KOTA KINABALU
SABAH

Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak
Perbendaharaan Malaysia Sarawak
Tingkat 16, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93592 KUCHING
SARAWAK

Ketua Setiausaha Negara
Jabatan Perdana Menteri
Bahagian Kewangan
Setia Perdana 8, Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Inu Baizura binti Mohamad Zain)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Bahagian Khidmat Pengurusan
Cawangan Pengurusan Kewangan
Aras 7-11, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: YBhg. Datin Paduka Roslinah binti Md Jani)

Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
Bahagian Pengurusan (Seksyen Kewangan dan Perolehan)
Aras 16, No. 45, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Zuliana binti Mohd Akob)

Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Bahagian Kewangan
Aras 5, Menara 4G1, Wisma Tani
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Misjijah binti Marul)

Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Bahagian Kewangan
Aras 6, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Nur Azlin Binti Mohamad Awal)

Ketua Setiausaha,
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Bahagian Kewangan
Tingkat 28, Menara MITI
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 KUALA LUMPUR
(u.p.: Encik Kalithasan Kaliappan)

Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan
Bahagian Kewangan
Tingkat 5, Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR
(u.p.: YBhg. Lt Kol (K) Datuk Muhammad Zamani Bin Mohd Ali)

Ketua Setiausaha
Kementerian Perladangan dan Komoditi
Bahagian Kewangan
Aras 10, No. 15, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Reni Junita binti Yahya)

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Bahagian Kewangan
Blok E4/5, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Syahrul Idzuan bin Mohamad)

Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri
Bahagian Khidmat Pengurusan
Aras 6, Setia Perdana 2
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Hazura Binti Hamzah)

Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
Bahagian Kewangan
Aras 6 (Menara)
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Noor Rashida Binti Abdul Rashid)

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Bahagian Kewangan
Aras 11 &12, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA
(u.p.: Tn. Haji Kamaruzaman bin Mahmood)

Ketua Pengarah
Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri
Bahagian Khidmat Pengurusan
Aras 3 Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Mohammad Gaddafi Bin Denis)

Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
Bahagian Kewangan
Aras 30, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Mohd Nazri Bin Mohd Deni**)

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Bahagian Kewangan
Aras 36, No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Yazman bin Yahya**)

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Bahagian Kewangan
Aras 3, Blok D2, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Wan Saifulikmal Bin Wan Abdul Rahman**)

Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi dan Digital
Bahagian Kewangan
Aras 3,7 & 8, Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Hasan Muda**)

Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Bahagian Khidmat Pengurusan
Aras 5-10, Blok F9, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Khairulizam Bin Othman**)

Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
Bahagian Khidmat Pengurusan (Kewangan)
Aras 3, Wisma Putra
No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62602 PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Jeremiah Oliver Anak Jitos**)

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Bahagian Kewangan dan Perolehan
Aras 14, No. 51
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Zulkeflee Bin Sulaiman**)

Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Aras 7, Menara PRISMA
Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: **Puan Maniza Binti Mahfuz**)

Ketua Pengarah Keselamatan Negara
Jabatan Perdana Menteri
Bahagian Khidmat Pengurusan
Aras -1, 1 dan 2, Setia Perdana 7
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
(u.p.: **Puan Nur Azhani binti Yunos**)

Ketua Pengarah Kerja Raya
Bahagian Kewangan dan Akaun
Tingkat 33, Blok G
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR
(u.p.: **Encik Hazizan Bin Alias**)

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan
Bahagian Perolehan dan Kewangan
Aras 9, No.26
Jalan Tun Hussein, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Guna Arulalan David**)

Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
Wisma Sumber Asli
No. 25 Persiaran Perdana, Presint 4
62574 PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Mohd Norhisham bin Musa**)

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Bahagian Kewangan
Aras 12, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA
(u.p.: **Puan Siti Nor binti Minu**)

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
Bahagian Kewangan
Aras 6 & 7, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62204 PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Yahya bin Ab Ghani**)

Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Bahagian Kewangan
Aras 7, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Othman bin Abdullah**)

Ketua Pengarah
Unit Kerjasama Awam Swasta
Seksyen Khidmat Pengurusan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 2, Menara Usahawan
Persiaran Perdana, Presint 2
62652 PUTRAJAYA
(u.p.: **Puan Rohana binti Abdul Hamid**)

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan
Bahagian Kewangan
Aras 6 & 8, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Dhanesh Kumar Danesebaran**)

Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Bahagian Pembangunan, Kewangan Dan Sumber Manusia
Blok D3 & D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Mohd Hazli bin Ahmad @ Adnan**)

Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Tingkat 5, Blok A
Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 KUALA LUMPUR
(u.p.: **YBhg. Dato' Ahmad Nadzri bin Embong**)





Ruj. Kami : KKR.100-1/8/12 (19)
Tarikh : 5 Oktober 2022

SURAT PEKELILING DALAMAN KEWANGAN BIL. 2 TAHUN 2022

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan

GARIS PANDUAN PERWAKILAN KUASA PEGAWAI PENGAWAL DAN PENGURUSAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK TIKET PENERBANGAN UNTUK PERJALANAN UDARA RASMI BAGI TIKET YANG DIBELI SENDIRI OLEH PEGAWAI

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Dalaman ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai garis panduan dalaman Kementerian Kerja Raya (KKR) tentang perwakilan kuasa Pegawai Pengawal dan pengurusan tuntutan bayaran balik tiket penerbangan untuk perjalanan udara rasmi bagi tiket yang dibeli sendiri oleh pegawai kepada semua bahagian dan cawangan di bawah KKR dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Bahagian Kewangan, KKR telah mengeluarkan surat edaran Perwakilan Kuasa Pegawai Pengawal Mengikut Pekeliling Perbendaharaan WP 2.5 Kemudahan Perjalanan Udara Rasmi (Tuntutan Bayaran Balik) bernombor rujukan KKR.BK.400 -11 Jld. 36 (26) pada 8 Februari 2021 kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah KKR dan JKR. Selaras dengan surat edaran tersebut, Pegawai Pelulus yang diwakili kuasa oleh Pegawai Pengawal bagi tuntutan bayaran balik tiket penerbangan untuk perjalanan udara rasmi adalah Timbalan Ketua Setiausaha (bagi KKR) dan Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah (bagi JKR).



- 2.2 Walau bagaimanapun, PTJ mengalami kesukaran dalam mendapatkan kelulusan Pegawai Pelulus mengikut tempoh masa yang ditetapkan setelah mendapat arahan hadir bertugas rasmi bagi pegawai yang membuat pembelian sendiri tiket penerbangan untuk perjalanan udara rasmi.
- 2.3 Berdasarkan perenggan 5.1 WP 2.5 Kemudahan Perjalanan Udara Rasmi, Pegawai Pengawal diberi kuasa untuk menentukan kewajaran tuntutan oleh pegawai selaras dengan kelayakan pegawai tersebut. Pegawai Pengawal atau pegawai yang diturunkan kuasa adalah bertanggungjawab memastikan tuntutan tiket penerbangan yang dikemukakan oleh pegawai adalah teratur, munasabah dan berpatutan serta jumlah tuntutan yang dibuat perlulah menguntungkan Kerajaan. Pegawai Pengawal juga disarankan menyediakan garis panduan dalaman yang bersesuaian dengan Kementerian/Jabatan masing-masing sebagai satu bentuk kawalan bagi mengelakkan pembaziran.
- 2.4 Selaras dengan persetujuan antara Bahagian Kewangan, KKR dan JKR berkaitan isu tuntutan bayaran balik tiket penerbangan untuk perjalanan udara rasmi, Garis Panduan Perwakilan Kuasa dan Pengurusan Tuntutan Bayaran Balik Tiket Penerbangan Untuk Perjalanan Udara Rasmi Bagi Tiket Yang Dibeli Sendiri Oleh Pegawai telah dikeluarkan sebagai rujukan dan penyeragaman tatacara pengurusan di KKR dan JKR.

3. TAKRIFAN

- 3.1 **Tugas rasmi** bermakna tugas yang berkaitan dengan tugas pejabat termasuklah menghadiri kursus yang dibenarkan.
- 3.2 **Pegawai** bermakna seseorang pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri termasuk yang dilantik secara tetap dan sementara.
- 3.3 **Ketua Jabatan** bermakna pegawai yang mengetuai sesebuah agensi awam di peringkat bahagian/cawangan/unit.
- 3.4 **Pegawai Pelulus** bermakna Pegawai Pengawal dan pegawai yang diwakilkan kuasa oleh Pegawai Pengawal.
- 3.5 **Platform dalam talian** merujuk kepada aplikasi atau laman web yang menyediakan perkhidmatan tempahan tiket penerbangan secara dalam talian sama ada melalui syarikat penerbangan (seperti Malaysia Airlines, Air Asia, Malindo Air dan lain-lain) atau melalui agensi pelancongan dalam talian yang berdaftar (seperti Expedia, Traveloka dan lain-lain).

4. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI

Pegawai adalah bertanggungjawab memastikan permohonan dan tuntutan yang dikemukakan adalah sah, teratur, munasabah, berpatutan dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.

5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan perkara berikut:

- 5.1 peruntukan adalah mencukupi sebelum menyokong permohonan pegawai; dan
- 5.2 tuntutan yang dikemukakan oleh pegawai yang menjalankan tugas rasmi adalah teratur, munasabah dan berpatutan.

6. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PELULUS

Pegawai Pelulus seperti di **Lampiran A** adalah bertanggungjawab memastikan tuntutan yang diluluskan adalah teratur sepertimana garis panduan ini dan pekeliling yang berkuat kuasa.

7. TATACARA PERMOHONAN PEMBELIAN SENDIRI TIKET PENERBANGAN UNTUK PERJALANAN UDARA RASMI

- 7.1 Pegawai yang diarahkan untuk menjalankan tugas rasmi perlu merujuk kepada Unit Kewangan terlebih dahulu bagi memastikan peruntukan sedia ada adalah mencukupi sebelum pembelian sendiri tiket penerbangan untuk perjalanan udara rasmi dibuat.
- 7.2 Pegawai hendaklah membuat kajian pasaran terlebih dahulu bagi memastikan tiket penerbangan untuk perjalanan udara rasmi yang dibeli adalah paling menguntungkan kerajaan berbanding pembelian menggunakan Waran Perjalanan Udara Rasmi (WPUA).
- 7.3 Pegawai perlu mendapatkan sokongan Ketua Jabatan dengan menggunakan Borang Permohonan Pembelian Sendiri Tiket Penerbangan Untuk Perjalanan Udara Rasmi Dan Kelulusan Tuntutan Bayaran Balik seperti di **Lampiran B**.
- 7.4 Bagi pembelian tiket menggunakan syarikat Malaysia Airlines Berhad (MAB), pegawai digalakkan membuat pembelian menggunakan Malaysia Airlines *eGovernment Portal* berbanding pembelian di kaunter, platform dalam talian atau agensi pelancongan mana-mana yang menawarkan harga yang lebih rendah.

- 7.5 Bagi pembelian tiket menggunakan selain syarikat Malaysia Airlines Berhad (MAB), pegawai adalah tertakluk kepada perenggan 2 WP 2.5 dan pembelian boleh dibuat melalui kaunter, platform dalam talian atau agensi pelancongan mana-mana yang menawarkan harga yang lebih rendah.

8. PENJADUALAN SEMULA TIKET PENERBANGAN

- 8.1 Pegawai boleh membuat tuntutan bayaran balik perbezaan tambang (*fare difference*) tiket penerbangan untuk perjalanan udara rasmi yang telah dijadualkan semula mengikut tatacara di perenggan 11 dengan mematuhi syarat berikut:
- 8.1.1 Penjadualan semula tiket penerbangan hanyalah disebabkan oleh penangguhan program atau aktiviti rasmi ke tarikh atau masa yang lain;
 - 8.1.2 Tiada perubahan pada destinasi penerbangan asal;
 - 8.1.3 Pegawai hendaklah membuat kajian pasaran semula dengan memastikan jumlah harga tiket baharu (harga tiket asal ditambah dengan perbezaan harga tiket baharu) adalah lebih menjimatkan berbanding pembelian menggunakan WPUA; dan
 - 8.1.4 Pegawai hendaklah mendapatkan sokongan Ketua Jabatan dengan menyertakan semula maklumat-maklumat terkini seperti di **Lampiran B**.

9. PEMBATALAN TIKET PENERBANGAN

- 9.1 Kebenaran pembatalan tiket penerbangan untuk perjalanan udara rasmi (dalam tempoh yang dibenarkan oleh syarikat penerbangan) adalah tertakluk hanya kepada situasi berikut:
- 9.1.1 Program atau aktiviti rasmi yang dijadualkan telah dibatalkan atau ditangguhkan;
 - 9.1.2 Pegawai diarahkan untuk menjalankan tugas rasmi yang lain atas kepentingan perkhidmatan;
 - 9.1.3 Pegawai mengalami masalah kesihatan (yang telah disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan); dan
 - 9.1.4 Sebab-sebab lain yang diluluskan oleh Ketua Jabatan seperti kemalangan atau kematian.
- 9.2 Bagi tuntutan bayaran balik tiket penerbangan untuk perjalanan udara rasmi yang telah dibatalkan berdasarkan situasi yang dibenarkan di perenggan 9.1 bagi jenis tiket penerbangan berikut:

- 9.2.1 Tiket jenis *non refundable*, pegawai boleh membuat tuntutan bayaran balik harga tiket yang telah dibayar mengikut tatacara di perenggan 11;
- 9.2.2 Tiket jenis *refundable with a fee*, pegawai boleh membuat tuntutan bayaran balik yuran perkhidmatan yang dikenakan mengikut tatacara di perenggan 11; dan
- 9.2.3 Tiket jenis *fully refundable*, pegawai TIDAK BOLEH membuat sebarang tuntutan bayaran balik.

10. "NO SHOW PASSENGERS"

- 10.1 Takrifan "*no show passengers*" merangkumi salah satu keadaan seperti berikut bagi penerbangan dalam negeri dan antarabangsa:
 - 10.1.1 penumpang yang membatalkan tempahan dalam tempoh masa sebelum penerbangan seperti yang ditetapkan oleh syarikat penerbangan;
 - 10.1.2 penumpang yang gagal melakukan perjalanan dengan penerbangan yang ditempah;
 - 10.1.3 penumpang yang gagal melaporkan diri dalam masa yang ditetapkan;
 - 10.1.4 penumpang yang gagal melakukan perjalanan oleh sebab tidak mempunyai dokumen yang lengkap;
 - 10.1.5 penumpang yang mengubah perjalanan daripada sektor yang jauh kepada sektor yang dekat dalam tempoh masa sebelum penerbangan seperti yang ditetapkan oleh syarikat penerbangan; atau
 - 10.1.6 penumpang yang gagal untuk menyerahkan tiket di mana-mana pejabat tiket Syarikat Penerbangan Negara untuk penempahan semula sebelum perjalanan asal dijadualkan bertolak sepertimana yang dinyatakan di tiket.
- 10.2 Bagi tuntutan bayaran balik tiket penerbangan untuk perjalanan udara rasmi yang diklasifikasikan sebagai "*no show passengers*" seperti di perenggan 10.1 oleh sebab berikut:
 - 10.2.1 kecuaiannya pegawai sendiri seperti terlewat ke lapangan terbang, terlupa tarikh atau masa penerbangan dan tidak hadir ke lapangan terbang, pegawai TIDAK BOLEH membuat sebarang tuntutan bayaran balik tiket penerbangan untuk perjalanan udara rasmi tersebut; dan

10.2.2 bukan kecuaiian pegawai sendiri di mana pegawai tersebut terpaksa diarah untuk menjalankan tugas rasmi yang lain atas kepentingan perkhidmatan, pegawai boleh membuat tuntutan bayaran balik tiket penerbangan untuk perjalanan udara rasmi tersebut mengikut tatacara di perenggan 11.

11. TATACARA TUNTUTAN BAYARAN BALIK TIKET PENERBANGAN UNTUK PERJALANAN UDARA RASMI

- 11.1 Bagi sebarang tuntutan bayaran balik tiket penerbangan untuk perjalanan udara rasmi, pegawai perlu mendapatkan kelulusan dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh selesai bertugas rasmi atau tarikh sepatutnya berlepas (bagi kes pembatalan atau *no show passengers*) menggunakan borang seperti di **Lampiran B**.
- 11.2 Kelulusan bagi tuntutan bayaran balik dan *no show passengers* bagi tiket penerbangan untuk perjalanan udara rasmi perlu diperolehi daripada Pegawai Pelulus seperti di **Lampiran A**.
- 11.3 Bagi permohonan serta tuntutan bayaran balik tiket penerbangan untuk perjalanan udara rasmi oleh Ketua Jabatan, kelulusan perlu diperolehi daripada pegawai penyelia Ketua Jabatan berkenaan dengan berpandukan senarai seperti di **Lampiran A**.
- 11.4 Pemohon hanya layak untuk menuntut bayaran balik tiket penerbangan pada kadar yang sama atau kurang daripada harga anggaran jabatan yang telah disokong oleh Ketua Jabatan.
- 11.5 Borang seperti di **Lampiran B** yang telah diluluskan oleh Pegawai Pelulus perlu disertakan semasa membuat tuntutan elaun perjalanan dalam atau luar negeri.
- 11.6 Kos yang boleh dituntut oleh pegawai apabila membuat pembelian sendiri tiket penerbangan untuk perjalanan udara rasmi adalah seperti berikut:
 - 11.6.1. Harga Tiket Penerbangan;
 - 11.6.2. Surcaj Bahan Api;
 - 11.6.3. Cukai Lapangan Terbang;
 - 11.6.4. *KLIA2 Fees* (jika berkaitan);
 - 11.6.5. Cukai Jualan dan Perkhidmatan (mana-mana berkaitan);
 - 11.6.6. Bagasi (tuntutan berdasarkan kilogram bagasi paling minimum yang ditawarkan oleh syarikat penerbangan);
 - 11.6.7. Insurans;

- 11.6.8. Fi pemprosesan – Fi tersebut adalah wajib bagi membolehkan tiket dikeluarkan oleh syarikat penerbangan atau agensi pelancongan; dan
- 11.6.9. Sebarang tuntutan-tuntutan lain yang wajar dan munasabah selain di atas perlu dikemukakan oleh pemohon kepada Pegawai Pengawal untuk kelulusan.
- 11.7 Pegawai TIDAK BOLEH membuat tuntutan bayaran balik tiket penerbangan yang tidak sah (*no issue ticket*) sama ada akibat kecuaiian pegawai mahupun bukan kecuaiian pegawai seperti menggunakan perkhidmatan platform dalam talian atau agensi pelancongan yang tidak berdaftar atau diragui.
- 11.8 Pegawai boleh merujuk carta alir seperti di **Lampiran C** untuk rujukan mengenai proses pembelian sendiri tiket penerbangan sehingga tuntutan bayaran balik.

12. PENGUATKUASAAN

Surat Pekeliling Dalam ini berkuat kuasa bermula daripada tarikh ia ditandatangani dan semua bahagian dan cawangan di KKR dan JKR hendaklah mematuhi arahan sepertimana yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' WIRA WAN AHMAD UZIR BIN HJ WAN SULAIMAN)
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya Malaysia

SENARAI EDARAN

1. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan dan Penswastaan
Kementerian Kerja Raya
2. Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancang Jalan
Kementerian Kerja Raya
3. Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
Kementerian Kerja Raya
4. Ketua Akauntan
Bahagian Akaun
Kementerian Kerja Raya
5. Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
Kementerian Kerja Raya
6. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Fasiliti
Kementerian Kerja Raya
7. Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Cerun
Tingkat 12, Blok F
Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 KUALA LUMPUR
8. Pengarah
Cawangan Senggara Fasiliti Jalan
Aras 3, Blok D (Lama)
Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 KUALA LUMPUR
9. Pengarah
Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan
Tingkat 1, Blok F
Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 KUALA LUMPUR
10. Pengarah
Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur & Pengangkutan
Tingkat 8, Blok F
Jalan Sultan Salahuddin
50582 KUALA LUMPUR

11. Pengarah
Cawangan Dasar Dan Pengurusan Korporat
Jabatan Kerja Raya
Tingkat 2, Blok A (Lama)
Jalan Sultan Salahuddin
50582 KUALA LUMPUR

12. Pengarah
Cawangan Jalan
Tingkat 15, Blok F
Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 KUALA LUMPUR

13. Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 26, Blok G, Menara Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR

14. Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Elektrik
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 11, Blok G, Menara Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR

15. Pengarah
Cawangan Kerja Kesihatan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 23, Blok G, Menara Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR

16. Pengarah
Cawangan Kerja Keselamatan
Tingkat 20, Maju Tower
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 KUALA LUMPUR

17. Pengarah
Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 10, Menara Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR

18. Pengarah Kanan
Cawangan Kerja Bangunan Am 1
Tingkat 13A, Menara PJD
No. 50, Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR

19. Pengarah Kanan
Cawangan Kerja Bangunan Am 2
Tingkat 13A, Menara PJD
No. 50, Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR

20. Pengarah
Cawangan Alam Sekitar Dan Kecekapan Tenaga
Tingkat 23, Menara PJD
No. 50, Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR

21. Pengarah
Cawangan Kejuruteraan Geoteknik
Tingkat 26, Menara PJD
No. 50 Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR

22. Pengarah Kanan,
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 5, Blok F,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 KUALA LUMPUR

23. Pengarah Kanan
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE)
Jalan Kemus, Simpang Ampat
**78000 ALOR GAJAH
MELAKA**

24. Pengarah Kanan
Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan
Aras 14, Menara Tun Ismail Mohamad Ali
No. 25, Jalan Raja Laut
50350 KUALA LUMPUR

25. Pengarah Kanan
Cawangan Arkitek
Tingkat 11, Menara Tun Ismail Mohamad Ali
No. 25, Jalan Raja Laut
50350 KUALA LUMPUR

26. Pengarah
JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya
Blok F7, Kompleks F,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA

27. Pengarah
Cawangan Kerja Pendidikan
Tingkat 23, Maju Tower
Jalan Sultan Ismail
50250 KUALA LUMPUR

28. Pengarah
JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tingkat 17, Sunway Putra Tower,
No.100, Jalan Putra
50350 KUALA LUMPUR

29. Pengarah
JKR Wilayah Persekutuan Labuan
Jalan Kampung Jawa
87008 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

30. Pengarah
Unit Teknikal JKR
Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
Jalan Cempaka
**17500 TANAH MERAH
KELANTAN DARUL NAIM**

31. Ketua Jurutera Mekanikal
JKR Woksyop Persekutuan
(JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Bahagian Perkhidmatan Harta)
No. 2, Jalan Arowana, Cheras
505300 KUALA LUMPUR

32. Pengarah
Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)
Beg Berkunci No.3
Al-Muktafi Billah Shah
23409 TEREANGGANU DARUL IMAN

**PEGAWAI YANG DIWAKILKAN KUASA
BAGI KELULUSAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK TIKET PENERBANGAN UNTUK PERJALANAN
UDARA RASMI YANG DIBELI SENDIRI OLEH PEGAWAI
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

BIL.	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	PERAKUAN	KELULUSAN	
			TUNTUTAN BAYARAN BALIK	NO SHOW PASSENGERS
1.	Bahagian Kewangan	TIDAK BERKENAAN	KSU/ TKSU	KSU
2.	Bahagian Perancang Jalan	TIDAK BERKENAAN	KSU/ TKSU	KSU
3.	Bahagian Khidmat Pengurusan	TIDAK BERKENAAN	KSU/ TKSU	KSU
4.	Bahagian Pembangunan dan Penswastaaan	TIDAK BERKENAAN	KSU/ TKSU	KSU
5.	Bahagian Pengurusan Fasiliti	TIDAK BERKENAAN	KSU/ TKSU	KSU
6.	Bahagian Akaun	TIDAK BERKENAAN	KSU/ TKSU	KSU

Ringkasan Gelaran Jawatan:

KSU : Ketua Setiausaha
TKSU : Timbalan Ketua Setiausaha



**PEGAWAI YANG DIWAKILKAN KUASA
BAGI KELULUSAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK TIKET PENERBANGAN UNTUK PERJALANAN
UDARA RASMI YANG DIBELI SENDIRI OLEH PEGAWAI**

JABATAN KERJA RAYA

BIL.	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	PERAKUAN	KELULUSAN	
			TUNTUTAN BAYARAN BALIK	NO SHOW PASSENGERS
1.	Cawangan Dasar & Pengurusan Korporat	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ P	KSU
2.	JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ P	KSU
3.	JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ P	KSU
4.	Cawangan Perancangan Aset Bersepadu	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK	KSU
5.	Cawangan Kerja Pendidikan	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ P	KSU
6.	Cawangan Jalan	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK	KSU
7.	Cawangan Kerja Bangunan Am 1	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK	KSU
8.	Cawangan Kerja Kesihatan	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ P	KSU
9.	Cawangan Kerja Bangunan Am 2	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ P	KSU
10.	Cawangan Kerja Keselamatan	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ P	KSU
11.	Cawangan Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ P	KSU
12.	Cawangan Kejuruteraan Cerun	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ P	KSU
13.	Cawangan Senggara Fasiliti Jalan	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ P	KSU
14.	Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ P	KSU
15.	Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur & Pengangkutan	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ P	KSU
16.	Cawangan Kontrak & Ukur Bahan	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK	KSU
17.	Cawangan Kejuruteraan Mekanikal	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK	KSU
18.	Cawangan Kejuruteraan Elektrik	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK	KSU
19.	Cawangan Arkitek	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK	KSU
20.	Cawangan Kejuruteraan Awam @ Struktur	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK	KSU
21.	Cawangan Kejuruteraan Geoteknik	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ P	KSU
22.	Unit JKR Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ P	KSU

Ringkasan Gelaran Jawatan:

KSU	:	Ketua Setiausaha
KPKR	:	Ketua Pengarah Kerja Raya
TKPKR	:	Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya
PK	:	Pengarah Kanan
P	:	Pengarah



**PEGAWAI YANG DIWAKILKAN KUASA
BAGI KELULUSAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK TIKET PENERBANGAN UNTUK PERJALANAN
UDARA RASMI YANG DIBELI SENDIRI OLEH PEGAWAI**

JABATAN KERJA RAYA

BIL.	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	PERAKUAN	KELULUSAN	
			TUNTUTAN BAYARAN BALIK	NO SHOW PASSENGERS
23	Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi, JKR	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK	KSU
24	JKR KESEDAR	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ P	KSU
25	JKR Unit Feri Pengkalan Kubor (CSFJ)	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ P	KSU
26	JKR Wilayah Persekutuan Labuan	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ P	KSU
	<u>UNIT TENTERA JKR NEGERI (CSFB)</u>			KSU
27	Unit Tentera JKR Negeri Kedah	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/P/ PN	KSU
28	Unit Tentera JKR Negeri Pulau Pinang	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/P/ PN	KSU
29	Unit Tentera JKR Negeri Perak	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/P/ PN	KSU
30	Unit Tentera TLDM Lumut, Perak	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/P/ PN	KSU
31	Unit Tentera TUDM Subang, Selangor	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/P/ PN	KSU
32	Unit Tentera JKR Negeri Selangor	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/P/ PN	KSU
33	Unit Tentera JKR Negeri Sembilan	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/P/ PN	KSU
34	Unit Tentera JKR Negeri Melaka	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/P/ PN	KSU
35	Unit Tentera JKR Negeri Johor	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/P/ PN	KSU
36	Unit Tentera JKR Negeri Pahang	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/P/ PN	KSU
37	Unit Tentera JKR Negeri Terengganu	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/P/ PN	KSU
38	Unit Tentera JKR Negeri Kelantan	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/P/ PN	KSU
	<u>CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK NEGERI</u>			KSU
39	JKR Elektrik Terengganu	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK/ PN	KSU
40	JKR Elektrik Johor	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK/ PN	KSU
41	JKR Elektrik Kedah	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK/ PN	KSU
42	JKR Elektrik Kelantan	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK/ PN	KSU
43	JKR Elektrik Melaka	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK/ PN	KSU
44	JKR Elektrik Negeri Sembilan	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK/ PN	KSU
45	JKR Elektrik Pahang	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK/ PN	KSU
46	JKR Elektrik Pulau Pinang	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK/ PN	KSU
47	JKR Elektrik Perak	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK/ PN	KSU
48	JKR Elektrik Selangor	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK/ PN	KSU
49	JKR Elektrik Perlis	TIDAK BERKENAAN	KSU/ KPKR/ TKPKR/ PK/ PN	KSU

Ringkasan Gelaran Jawatan:

KSU	:	Ketua Setiausaha
KPKR	:	Ketua Pengarah Kerja Raya
TKPKR	:	Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya
PK	:	Pengarah Kanan
P	:	Pengarah
PN	:	Pengarah Negeri



**BORANG PERMOHONAN PEMBELIAN SENDIRI TIKET PENERBANGAN UNTUK
PERJALANAN UDARA RASMI DAN KELULUSAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK**

A	MAKLUMAT PEGAWAI
----------	-------------------------

- i. NAMA PEGAWAI :
- ii. JAWATAN :
- iii. BAHAGIAN/CAWANGAN/UNIT :

B	BUTIRAN TUGAS
----------	----------------------

PERIHAL TUGAS	TEMPAT	TARIKH / TEMPOH

C	BUTIRAN PERJALANAN
----------	---------------------------

	TARIKH	MASA	DESTINASI	ANGGARAN HARGA (RM)*	
				SYARIKAT PENERBANGAN YANG DIPILIH	WPUA SYARIKAT PENERBANGAN YANG SAMA**
PERJALANAN PERGI					
PERJALANAN BALIK					

*Selaras dengan Perenggan 4.4 WP 2.5.

**Perbandingan antara satu tawaran dengan tawaran yang lain hendaklah dibuat berasaskan kepada faktor atau unsur yang sama (*equal footing*).

D	KATEGORI TUNTUTAN
----------	--------------------------

	Tuntutan Biasa		Pembatalan*
	Perbezaan Tambang*		No Show Passengers*

*Sila lampirkan dokumen sokongan yang berkaitan.

.....
(TARIKH)

.....
(PEMOHON)

SOKONGAN KETUA JABATAN

Disahkan bahawa peruntukan bagi permohonan ini adalah mencukupi dan permohonan ini adalah **disokong / tidak disokong***.

Ulasan :

.....
.....
.....

.....
(TARIKH)

.....
(TANDATANGAN KETUA JABATAN)

Cap Rasmi:

*Sila potong mana yang tidak berkenaan

KELULUSAN PEGAWAI PELULUS*

Permohonan tuntutan bayaran balik tiket penerbangan** sebanyak _____ adalah:

Diluluskan

Tidak Diluluskan

Ulasan:

.....
.....
.....

.....
(TARIKH)

.....
(TANDATANGAN PEGAWAI PELULUS)

Cap Rasmi:

*Selaras dengan Para 5.1 WP 2.5 dan Lampiran A Surat Pekeliling Dalaman Kewangan Bil. 2/2022.

**Pemohon hanya layak untuk menuntut bayaran balik tiket penerbangan pada kadar yang sama atau kurang daripada harga anggaran jabatan yang telah disokong oleh Ketua Jabatan. Sila sertakan bersama surat arahan bertugas rasmi, salinan resit asal/invois, pas masuk (*boarding pass*) dan dokumen-dokumen berkaitan (jika berkenaan).

CARTA ALIR
PERMOHONAN PEMBELIAN SENDIRI TIKET PENERBANGAN UNTUK PERJALANAN
UDARA RASMI DAN KELULUSAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK

